

Kesalahan-Kesalahan Dalam Memberi Nama

(Saringan oleh www.darulkautsar.net dari kuliah Sahih Muslim- Kitab Adab oleh Maulana Muhammad `Asri bin Yusoff)

Kejahilan masyarakat dan kelalaian ulama' adalah di antara faktor mengapa berlakunya kesalahan (bertentangan dengan kehendak syariat) dalam memberi nama kepada anak-anak yang baru lahir. Adalah amat menyedihkan perkara ini tidak begitu dipedulikan seolah-olah kesalahan tersebut tidak begitu penting walhal Nabi s.a.w. amat menitikberatkan hal ini dengan mengubah nama sahabat-sahabat yang tidak elok atau tidak sesuai. Di antara kesalahan dalam memberi nama yang dikenalpasti di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia adalah:

1. Nama-nama yang memberi makna yang tidak elok. Nabi s.a.w. pernah menukar nama sahabatnya Zaham (yang bermaksud 'menyibuk, mengganggu') kepada Basyir (yang bermaksud 'berita gembira'). Di antara contoh nama yang sering digunakan:

- Hazan (kesedihan), Hazin (seorang lelaki yang sedih), Hazaniyyah (hidup penuh dengan kesedihan)
- Zani (lelaki pezina), Zaniah (pezina perempuan)
- `Asiah (perempuan penderhaka / perempuan pembuat maksiat)
- Wati (persetubuhan)
- Azli (celaanku), Azlan (celaan)

2. Nama-nama Allah (sifat Tuhan), contohnya:

- Azali
- Muhaimin

3. Nama-nama yang berkaitan dengan tempat, contohnya:

- Suyuti (orang Asyut)
- Bukhari (orang Bukhara)
- Ghazali (orang Ghazal)
- Nawawi (orang Nawa)
- Misri atau Masri (orang Mesir)
- Baihaqi (orang Baihaq)
- Tirmizi (orang Tirmiz)

4. Nama-nama yang memberi makna terlalu elok sehingga tidak sesuai diletakkan pada empunya nama seperti 'Khairunnisa` (sebaik-baik wanita) sedangkan dalam hadits ada menyebutkan: "Sebaik-baik wanita di alam ini adalah Asiah dan Maryam." Nama ini seakan mencanggah hadits tersebut.

5. Nama-nama yang dilarang dalam hadits seperti Yasar, Robah, Aflah, Najah dan lain-lain

kerana ada sempena baik pada suatu nama. Sebagai contoh Najah (kejayaan). Apabila ada orang bertanya: "Najah ada tak disini?" Maka dijawab: "Najah tiada disini," secara tidak langsung memberi maksud kejayaan tiada di sini.

6. Nama yang mengangkat diri sendiri kerana Nabi s.a.w. sendiri ada menukarkan nama Barrah (yang bermaksud 'yang sangat baik') kepada Zainab.

7. Nama yang mengandungi unsur-unsur syirik seperti:

- Abdul Manaf (hamba berhala Manaf)
- Ghulam `Ali (hamba `Ali)

8. Nama yang sepatutnya untuk lelaki tetapi digunakan pada perempuan, seperti Nur (cahaya) dalam bahasa Arab adalah muzakkar (untuk lelaki)

9. Nama dengan makna yang tidak tepat dengan pemakainya seperti:

- Siti (puan) - sedangkan gelaran 'puan' hanya digunakan pada orang yang sudah berkahwin dan begitu juga dengan Anisah (cik) pula hanya digunakan untuk wanita yang belum berkahwin sebagaimana yang digunakan di tanah Arab pada masa ini.
- Sayyid (tuan) - digunakan oleh orang `Arab pada sesiapa sahaja asalkan dia lelaki dan ini tidak bermakna dia adalah dari keturunan Nabi s.a.w.

10. Nama yang sebenarnya adalah nama sesuatu pekerjaan dalam bahasa Arab, contohnya:

- Masyitah (tukang sikat rambut) digunakan pada mana-mana perempuan yang bekerja sebagai penyikat rambut
- Halwani (lelaki penjual kuih) digunakan pada mana-mana lelaki yang menjual kuih-muih tetapi digunakan untuk perempuan di Malaysia.

11. Nama yang tidak betul seperti nama asalnya, seperti:

- Zaleha – sepatutnya Zulaikha

12. Nama yang dihubungkan pada kisah yang tidak dipastikan kebenarannya, seperti:

- 'Zulaikha' yang kononnya menjadi simbolik percintaan dan kasih sayang yang kekal berpanjangan bersama Nabi Yusuf yang terkenal dengan ketampanannya. Kononnya Zulaikha bertemu semula dengan Nabi Yusuf setelah beliau sudah tua dan buta matanya. Oleh kerana cintanya begitu mendalam pada Nabi Yusuf akhirnya Nabi Yusuf menerimanya sebagai isteri. Kemudian Zulaikha kembali menjadi muda dan dapat melihat seperti sediakala. Inilah kekarutan yang direka-reka dan kemudiannya turut memberi kesan kepada masyarakat Islam sehingga menamakan anak-anak dengan nama Zulaikha dan menjadikannya sebagai doa dalam kad-kad perkahwinan.
- Muti`ah - kononnya adalah wanita pertama yang masuk syurga sebelum Fatimah al-Zahra` lagi. Dikatakan bahawa beliau adalah seorang wanita yang paling solehah

kerana sangat baik dalam melayani dan berkhidmat pada suaminya.

13. Nama yang memberi makna sifat, seperti:

- Muti`ah (yang taat)

14. Nama yang tidak memberi apa-apa makna, lebih buruk lagi jika apabila dipendekkan memberikan makna yang tidak elok seperti:

- Ezani – dipendekkan menjadi: Zani (lelaki penzina)

15. Nama yang terpengaruh dengan budaya barat, contohnya:

- Isaac – asalnya Ishak (nama Nabi)
- Harry – asalnya Khairi (kebaikanku)

16. Nama yang memberikan makna yang tidak jelas atau lucu dalam bahasa Arab, contohnya:

- Syamsul Bahri (matahari lautan)
- Badrul Hisyam (bulan yang pecah-pecah)
- Nik (kemaluan perempuan atau mentah, tidak matang)
- Rafidhi (Syiah pelampau)
- Atan (keldai betina)
- Haikal (rumah berhala, kerangka, lembaga)
- Jamalullail (keindahan malam)

17. Nama yang mempunyai 'ni' diujungnya seperti 'Halwani' yang sering digunakan pada orang perempuan masyarakat Melayu yang sebenarnya bermaksud 'lelaki penjual kuih'.

Nota: Nama-nama bukan dari bahasa Arab yang elok maknanya juga **harus** dipakai seperti:

- Fairuz
- Sirin (manis –bahasa Farsi)
- Rustam
- Sarfaraz (mulia)
- Sibawaih (wangian epal)

18. Nama-nama yang membawa maksud yang buruk atau langsung tidak memberikan apa-apa makna kerana salah sebutan atau ejaannya seperti:

- Sukri (kemabukanku) – sepatutnya Syukri (Kesyukuranku)
- Sya`ari (buluku) – sepatutnya Asy`ari
- Nordin (tiada makna) – sepatutnya Nuruddin (cahaya agama)
- Kadir (keruh) – sepatutnya `Abdul Qadir (hamba kepada yang Maha Berkuasa)
- Jamaluddin (unta agama) – sebetulnya Jamaaluddin ????? ????? (kecantikan agama) ya`ni sebutan yang panjang pada 'maal'

19. Gabungan yang salah atau tidak kena pada tempatnya seperti 'Nurhafizah' tidak memberi apa-apa maksud kerana gabungan ini salah dari segi kaedah bahasa Arab, dan contoh gabungan yang betul: Nurhayati (cahaya hidupku), Nur`aini (cahaya mataku)

20. Nama yang salah kerana tidak membezakan penggunaan "ya mutakallim" dengan "ya nisbah."

Ya mutakallim adalah 'ya' pada akhir kata nama yang memberi makna 'sesuatu milikku' atau 'daripadaku' seperti:

- Syukri (Kesyukuranku)
- Fathi (Kemenanganku)

Ya nisbah pula ada 'ya' pada akhir kata nama yang memberi makna nisbah atau hubungan pada tempat, pekerjaan dan sebagainya. Contohnya:

- Imam Jalaluddin as-Suyuti yang bermaksud: Imam Jalaluddin orang asyut
- Imam Muhammad bin Isma`il al-Bukhari yang bermaksud: Imam Muhammad bin Isma`il orang Bukhara
- Muhammad Asri yang bermakna 'Muhammad tawananku', ini kerana sebenarnya ini adalah ya mutakallim dan bukan ya nisbah. Nama yang betul ialah Muhammad `Asri

21. Tidak boleh menggunakan nama 'Malikul Muluk' atau 'Malikul Malak' kerana ada larangan dalam hadits dan terdapat penggunaannya dalam al-Quran, firman Allah s.w.t:

?????? ?????????? ?????????? ?????????? ?????????? ??????????

(Pada saat itu Allah berfirman): "Siapakah Yang Menguasai kerajaan pada hari ini? (Allah sendiri menjawab): "Dikuasai oleh Allah Yang Maha Esa, lagi Yang mengatasi kekuasaanya segala-galanya!" [Ghafir:16]

dan ayat:

???? ?????????? ?????????? ??? ?????????? ?????????? ????? ?????????????? ?????????????? ??????????????
????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????????
????????? ??????????????????

Dia lah Allah, Yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal Serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi Segala KebesaranNya. Maha suci Allah dari segala yang mereka sekutukan dengannya. [Al-Hasyr: 23]

22. Tidak boleh menggunakan nama yang merupakan gelaran yang khusus kepada seseorang Nabi sebagai mukjizatnya, seperti:

- Ruhullah (Roh daripada Allah) – gelaran khusus yang diberikan kepada Nabi Isa a.s kerana Nabi Isa dilahirkan tanpa ayah dengan kuasa Allah.
- Khalilullah (kekasih Allah) / Khalilurrahman (kekasih kepada yang Maha Pengasih) – gelaran khusus yang diberikan kepada Nabi Ibrahim a.s.

Selain itu nama-nama ini juga membawa maksud yang sangat tinggi dan keterlaluan untuk dipakai pada orang yang biasa selain bercanggah dengan hadits dan terdapat larangan yang terang berkaitannya.

NOTA TAMBAHAN:

1. Sekiranya sesuatu nama memberikan beberapa makna termasuk yang baik dan buruk maka harus menggunakannya kerana ini ada dilakukan oleh Nabi s.a.w. sendiri, contohnya:

- Zainab - makna baik: nama bagi sejenis pokok yang wangi - makna buruk: pengecut
- Mu`awiyah - makna baik: pembela / pejuang - makna buruk: yang menyalak

2. Harus menamakan dengan nama-nama bintang, burung atau bunga seperti Surayya, Aktar (tuah atau bintang dalam bahasa Farsi) dan lain-lain

3. Seelok-eloknya sesuatu nama hendaklah dipastikan betul ejaan ruminya kerana nama juga adalah merupakan doa kepada pemiliknya, sekiranya salah sebutannya maka berlainan pula maksudnya, contohnya:

????? bermaksud yang bahagia, yang lembut, yang mulia tetapi apabila dieja mengikut ejaan rumi maka ia menjadi Naimah ????? bermaksud yang tidur.

Selain itu terdapat ilmu yang dinamakan "Ilmu Raksi" yang mempunyai kaedah untuk mentafsir sifat seseorang berdasarkan namanya, ilmu ini juga pernah disebutkan oleh Ibnu Khaldun dalam bab jenis-jenis ilmu.

4. Kita mungkin boleh mengelakkan kesalahan seperti ini dengan:

- Membenarkan ejaan mengikut bahasa yang berkenaan seperti jawi, Arab dan lain-lain dalam kad pengenalan atau surat beranak supaya dapat disebut dengan betul mengikut kehendak penama tersebut. Jabatan Pendaftaran membenarkan penama yang ingin menukar nama yang tidak sesuai kepada nama yang menepati syariat.
- Undang-undang diwujudkan bagi mewajibkan pendaftar nama mengikut kaedah yang betul supaya tidak tersalah dalam memberi nama.

5. Harus menggunakan nama gabungan dari ibu atau anak dan ayah sekiranya membawa makna yang elok, seperti nama seorang ulama`:

- Ihsan Ilahi Zahir – Ayahnya bernama Zahir (pembela, penyokong) bermakna ihsan Tuhanku nyata.
- Fadhal Ilahi Zahir – bermaksud kurniaan Tuhanku nyata.